

## **Impak tranformasi digital terhadap kecekapan perkhidmatan awam di Sabah**

### **ABSTRAK**

Artikel ini akan membincangkan impak tranformasi digital terhadap kecekapan perkhidmatan awam di Sabah. Masa kini, perkembangan pesat dalam kemajuan teknologi memperlihatkan kemunculan pelbagai teknologi canggih yang berkeupayaan melakukan sebarang pekerjaan atau tugas tanpa melibatkan manusia. Dengan kemajuan bidang teknologi, kecekapan dan penghasilan produktiviti sesuatu organisasi dapat dipertingkatkan. Namun, persoalannya sejauh manakah perkhidmatan awam di Sabah telah mengaplikasikan penggunaan teknologi digital dalam memastikan kelancaran setiap perkhidmatan yang diberikan. Oleh itu, artikel ini akan difokuskan untuk membincangkan sejauh manakah tranformasi digital memberikan impak terhadap perkhidmatan awam di Sabah. Selain itu, perbincangan akan turut ditumpukan terhadap usaha pihak kerajaan dalam meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran kakitangan awam dalam bidang digital supaya dapat menggalas tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan dengan cekap. Artikel ini menggunakan pendekatan analisis kualitatif dan menggunakan kaedah kajian arkib serta kajian perpustakaan iaitu dengan menganalisis pelbagai sumber primer dan sekunder seperti Annual Report of The Sabah State Public Service Commision, Penyata Surohanjaya Penyiasat Borneo Utara dan Sarawak, Penyata Tahunan, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Persekutuan Tanah Melayu, akhbar, buku dan artikel untuk memperoleh sumber maklumat kajian. Kajian ini akan menghasilkan satu analisis yang dapat memberi kefahaman yang lebih jelas tentang kesan perkembangan teknologi digital terhadap peningkatan kualiti kecekapan perkhidmatan awam di negeri tersebut sekaligus akan membolehkan perancangan strategi yang dapat mengukuhkan lagi perkhidmatan awam di Sabah.